

08/03/2000

Pemimpin dekati enam kumpulan

SIK, Selasa - Pemimpin Umno akan melaksanakan strategi turun padang dalam menumpukan usaha memperkukuh perjuangan parti dengan menjadikan enam kumpulan utama penggerak kemajuan masyarakat Melayu sebagai sasaran utama.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata enam kumpulan berkenaan ialah ahli Umno yang semakin jauh daripada landasan perjuangan parti, pegawai kerajaan, ulama, intelektual, belia dan media.

Beliau berkata, strategi berkenaan diputuskan dalam mesyuarat MT yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam dan ia bakal menjadi penentu kemampuan Umno berfungsi sebagai payung perjuangan masyarakat Melayu sebelum ia diuji dalam pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya, pemimpin Umno tidak lagi boleh berlagak seperti golongan elit apabila mendekati masyarakat, sebaliknya mampu menjadi imam, menghadiri pengebumian dan membacakan talqin, selain harus membantu mengangkat dulang dalam majlis perkahwinan dan seumpamanya yang membabitkan masyarakat Melayu.

Mengenai pendekatan menarik kembali ahli Umno yang semakin menyepikan diri daripada perjuangan parti, Abdul Hamid berkata, mereka akan dibawa kembali kepada agenda perjuangan Umno secara keseluruhannya kerana mereka terpengaruh dengan isu yang dibawa parti pembangkang, menyebabkan mereka terlupa agenda perjuangan parti.

(END)